

## SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

2 April 2020

### **UEM Edgenta Hulur Sumbangan Penggunaan Peralatan Penjagaan Kesihatan Utama dan Sistem Pengurusan Hospital Bagi Menyokong Usaha Penjagaan Pesakit COVID-19**

**KUALA LUMPUR, 2 April 2020** – UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), syarikat peneraju Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur di rantau ini, menyokong usaha Kerajaan Malaysia untuk membendung penularan pandemik COVID-19 yang semakin kritikal di negara ini dengan menghulurkan sumbangan penggunaan peralatan penjagaan kesihatan utama dan sistem pengurusan hospital yang akan digunakan di hospital-hospital dan pusat-pusat kuarantin di seluruh negara.

Melalui kepakaran Syarikat dalam bidang peralatan biomedical dan teknologi penjagaan kesihatan, UEM Edgenta akan menyumbangkan penggunaan 30 unit alat bantuan pernafasan (*ventilator*) baharu dan kini sedang dalam proses membeli 30 unit sistem pemantauan pesakit untuk Kementerian Kesihatan Malaysia (“KKM”). Syarikat telah mengenalpasti alat bantuan pernafasan mudah alih dan sistem pemantauan pesakit yang memenuhi spesifikasi teknikal KKM untuk kegunaan petugas-petugas di barisan hadapan. Kedua-dua peralatan ini dijangka boleh digunakan pada bulan ini.

Sebagai tambahan kepada peralatan penjagaan kesihatan yang utama ini, Syarikat juga menyediakan sistem maklumat penjagaan kesihatan berdasarkan perkomputeran awan (“*cloud-based*”) kepada KKM dan Pusat Kesiapsiagaan dan Respon Krisis Nasional (“CPRC”) yang mana sistem ini membolehkan maklumat kritikal dapat diuruskan dengan efisien dan menghubungkan kesemua hospital serta pusat-pusat kuarantin di seluruh negara. Sistem yang dibina dengan kerjasama Meridian Project Management Sdn. Bhd. (“Meridian”) ini telah dibangunkan menggunakan platform *Blood Bank Information System Version 2* (“BBISV2”) secara usahasama dengan Pusat Darah Negara serta boleh mula beroperasi dengan serta-merta. BBISV2 adalah aplikasi yang kini beroperasi di 22 buah hospital KKM di seluruh negara dan menampilkan ciri-ciri platform berskala yang boleh diubahsuai mengikut fungsi keperluan bagi menguruskan inventori dan maklumat dari beberapa lokasi.

Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta, Dato' Azmir Merican kepada Menteri Kesihatan, YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba pada majlis ringkas yang diadakan di Putrajaya hari ini.

"Kerjasama jangka panjang antara UEM Edgenta dan KKM dalam menyampaikan perkhidmatan sokongan hospital telah memberikan kami pemahaman terperinci akan keperluan yang kritikal dalam situasi sekarang. Kami menyumbangkan penggunaan peralatan utama termasuklah *ventilator* dan sistem pemantauan pesakit bagi menyokong KKM dan CPRC dalam usaha meningkatkan keupayaannya. Kami turut berbesar hati menyediakan sistem pengurusan hospital kepada KKM dan CPRC yang mana sistem ini dapat menghubungkan hospital-hospital dan pusat-pusat kuarantin di seluruh negara supaya pemantauan boleh dibuat secara langsung serta pengurusan sumber maklumat dapat diuruskan dengan efisien", kata Dato' Azmir Merican, pada majlis tersebut.

Katanya lagi, sistem yang berdasarkan perkomputeran awan pelbagai fungsi ini boleh mengenalpasti status kapasiti hospital (katil, wad ICU dan peralatan contohnya *ventilator*); peralatan perlindungan peribadi (pengurusan inventori); sumber manusia (pekerja barisan hadapan); makmal (kit ujian) dan butiran pesakit (pendaftaran kemasukan, pemindahan dan pendaftaran keluar pesakit positif COVID-19 dan pesakit PUI)

UEM Edgenta menerusi anak syarikat milik penuhnya, Edgenta Mediserve Sdn. Bhd. ("EMSBB") dan Edgenta UEMS Sdn. Bhd. ("Edgenta UEMS") akan terus bekerjasama dengan KKM di kesemua 32 buah hospital di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia menerusi penyediaan perkhidmatan bukan klinikal utama untuk perkhidmatan sokongan hospital, termasuklah pembersihan, sanitasi dan pembasmian kuman, perkhidmatan linen & pendobian, serta perkhidmatan porter, antara fungsi kritikal lain dalam menangani pesakit COVID-19 yang mana memerlukan pengurusan operasi yang selamat dan berkesan.

Tambah Dato' Azmir, "Di Malaysia sahaja, kami mempunyai lebih 5,000 orang warga kerja yang terlibat dalam menyediakan perkhidmatan utama setiap hari sepanjang tempoh ini, khususnya di barisan hadapan perkhidmatan sokongan penjagaan kesihatan bersama-sama pasukan perkhidmatan penyelenggaraan lebuh raya dan pengurusan fasiliti. Kami akan terus mengutamakan keselamatan dan kesihatan warga kerja kami menerusi prosedur di tempat kerja yang ketat, melaksanakan pemisahan operasi bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang cekap dan pasukan yang berkeupayaan tinggi dalam menguruskan jalan raya serta fasiliti-fasiliti di bawah pengurusan kami yang kini menghadapi penurunan dari segi kapasiti penggunaannya".

Selain di Malaysia, UEM Edgenta juga menguruskan lebih daripada 300 fasiliti termasuk hospital-hospital dan fasiliti-fasiliti penjagaan kesihatan di Singapura, Taiwan dan India menerusi penyediaan perkhidmatan kritikal yang sama di barisan hadapan.

-tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta ([www.uemedgenta.com](http://www.uemedgenta.com)) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek & perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Perkhidmatan menyeluruh UEM Edgenta merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.

---

Disiarkan oleh UEM Edgenta Berhad. Hubungi: Hafiz Noor ([hafiznoor@edgenta.com](mailto:hafiznoor@edgenta.com) / 019-424 8283); atau Juliana Jamaluddin ([juliana\\_jamaluddin@edgenta.com](mailto:juliana_jamaluddin@edgenta.com) / 012-340 9438)